



Mahathir dan berakhirnya Dasar Aparteid di Afrika Selatan

Mohd Afendi Daud¹, Junaidi Awang Besar²

¹Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, ²Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Afendi Daud (email: ffarisarif@gmail.com)

Abstrak

Kajian ini melihat penglibatan Malaysia dalam usaha menghapuskan dasar aparteid di Afrika Selatan yang tidak berapa diberi perhatian oleh dunia dan khususnya anggota negara Komanwel. Nama Malaysia tidak begitu menyerlah hanya usaha Tunku Abdul Rahman yang berjaya membuatkan negara Afrika Selatan keluar dari Komanwel. Ini tidak memberi impak kepada negara Afrika Selatan kerana dengan keluar dari Komanwel tidak dapat menahan dasar aparteid dari terus dilaksanakan. Ini berterusan walaupun terdapat banyak negara yang mengutuk dasar aparteid di Afrika Selatan. Kemuncak dari desakan untuk menghapus dasar aparteid ini apabila munculnya Dr. Mahathir di persidangan Komanwel Nassau, Bahamas pada tahun 1985. Kemunculan Dr. Mahathir telah menambah tekanan kepada pihak Afrika Selatan dan Britain. Artikel ini melihat pengaruh Dr. Mahathir terserlah apabila Malaysia menjadi hos persidangan Komanwel pada tahun 1989 dan memberi peluang kepada Dr. Mahathir meneruskan agenda pada tahun 1985 dengan memberi penekanan lebih kepada keengganan Britain untuk bersama Komanwel mengenakan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan. Thatcher yang tertekan telah membuat bantahan dengan mengadakan sidang akhbar selepas Kenyataan Kuala Lumpur diumumkan. Walau bagaimanapun usaha Thatcher gagal untuk mempengaruhi Komanwel dan Dr. Mahathir terus mendesak supaya dasar aparteid benar-benar dihapuskan. Ramai sarjana yang tidak melihat kejayaan menghapus aparteid di Afrika Selatan sebagai satu kejayaan Malaysia dan khususnya Dr. Mahathir. Penulisan ini melihat peranan Dr. Mahathir sebagai salah seorang juara dalam memperjuangkan hak asasi manusia dalam menghapus dasar aparteid di Afrika Selatan dan membebaskan pemikiran dari belunggu penjajah dengan tidak mengikut telunjuk bekas penjajah iaitu Britain.

Katakunci: Afrika Selatan, agenda Komanwel, belunggu penjajah, Dasar Apartied, hak asasi manusia, sekatan ekonomi

Mahathir and the end of South African Apartheid

Abstract

Malaysia involvement in effort to end Apartheid policy in South Africa when the world and especially the Commonwealth members were not giving attention to the issue. Malaysia name was not known, only Tunku Abdul Rahman achievement to make South Africa withdrew from Commonwealth but the action was not giving any impact to South Africa. Apartheid policy still implemented in South Africa. This was going on although many countries condemn Apartheid policy in South Africa. This study took a closer look at Mahathir's role as a champion in fighting for human rights in breaking free of the colonial mentality and ending the Apartheid policy in South Africa. Mahathir's attendance of the 1985 Commonwealth Conference in Nassau, Bahamas gave him the first opportunity to put more pressure on South Africa and Britain. In 1989, Malaysia hosted the Commonwealth Conference and this provided the opportunity for Mahathir to continue with the 1985 agenda and be more focused on Britain which refused to cooperate with the Commonwealth in implementing economic sanction on South Africa.

Thatcher protested and arranged a press conference after the Kuala Lumpur Statement was announced. However, Thatcher's effort failed to influence the Commonwealth and Mahathir continued with the pressure to put an end to the Apartheid policy. Many scholars did not see the end of South African apartheid as a Mahathir's and thus a Malaysian achievement.

Keywords: apartheid policy, colonial mentality, Commonwealth agenda, economic sanctions, human rights, South Africa

Pengenalan

Rejim Afrika Selatan melakukan penindasan dengan berleluasa terhadap rakyat kulit hitam dan mengamalkan dasar Aparteid. Aparteid adalah satu sistem yang mengamalkan fahaman perkauman. Di Afrika Selatan mempunyai majoriti penduduk kulit hitam tetapi negara Afrika Selatan dikuasai oleh rakyat kulit putih yang penduduknya adalah minoriti (Foreign Affair Malaysia, Mac 1986). Rakyat kulit hitam tidak dapat menentang rejim Afrika Selatan yang diperintah oleh kerajaan kulit putih. Mereka memerlukan bantuan dan sokongan daripada negara luar. Belunggu aparteid ini mahu dibebaskan kerana rakyat kulit hitam semakin hari semakin ditindas dan rejim Afrika Selatan dengan bertindak lebih ganas bagi menakutkan dan terus mengekalkan dasar aparteid. Sistem aparteid yang mahu dipertahankan oleh rejim Afrika Selatan adalah merupakan satu penghinaan kepada rakyat kulit hitam yang ditindas dan diperlakukan sebagai hamba kepada rakyat kulit putih Afrika Selatan (Foreign Affairs Malaysia, 1981). Tulisan ini ingin melihat usaha dan peranan Malaysia dalam memperjuangkan kebebasan Afrika Selatan dari dasar aparteid. Fokus kepada penglibatan Dr. Mahathir dan peranan beliau dalam usaha menghapuskan dasar aparteid. Bermula dengan penyertaan beliau di persidangan Komanwel di Nassau, Bahamas. Penyertaan beliau dikatakan telah memberi satu impak yang amat mendalam terutama kepada Britain. Sekian lama isu aparteid diperkatakan dan diperbahaskan tetapi tidak mendapat impak dan perhatian secara serius masyarakat dunia terutama dari ahli-ahli Komanwel sendiri. Sebelum ini protes dan rasa tidak puas hati terhadap dasar aparteid di Afrika Selatan telah disuarakan tetapi tidak memberi kesan kepada rejim Afrika Selatan malah penindasan terhadap rakyat kulit hitam Afrika Selatan terus berlaku.

Protes awal terhadap Dasar Aparteid di Afrika Selatan

Pada tahun 1957, Malaysia telah memberi sokongan Resolusi 1178 Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) yang mengutuk dasar aparteid di Afrika Selatan (Utusan Malaysia, 7 November 1990). Pada Mac 1960, tunjuk perasaan secara aman yang diadakan di Sharpesville, Afrika Selatan oleh penduduk berkulit hitam telah mencetuskan kekecohan apabila polis Afrika Selatan telah menembak para petunjuk perasaan yang mengakibat seramai 71 orang berkulit hitam mati ditembak dan 182 orang cedera (Foreign Affairs Malaysia, Mac 1986). Pada Mei 1960 di Persidangan Perdana Menteri Komanwel di London Tunku Abdul Rahman telah menyuarakan pandangan Malaya yang menentang dasar Aparteid yang diamalkan di Afrika Selatan (The Star, 2 November 1990). Tunku telah menyuarakan rasa bantahan dan tidak puas hati terhadap tindakan tersebut dan menganggap perbuatan tersebut tidak berperikemanusiaan dan kejam. Tambahan dasar aparteid bertentangan dengan prinsip Komanwel dan Hak Asasi Manusia (Roy, 2006).

Pada tahun 1961, di Persidangan Komanwel, Tunku sekali lagi menyuarakan bantahan terhadap dasar aparteid. Bantahan Tunku kali ini mendapat perhatian media antarabangsa dan mendapat sokongan serta pujian daripada beberapa pemimpin negara-negara Afrika. Pada 31 Mei, 1961, atas desakan bantahan yang dilakukan terutamanya dari negara-negara Komanwel dan negara Afrika Selatan diberi kata dua sama ada mengubah dasar aparteid atau menarik diri daripada Komanwel. Walau bagaimanapun Afrika Selatan menarik diri daripada Komanwel pada 31 Mei 1961 sebagai bantahan terhadap tindakan

Komanwel yang tidak sehaluan dengan dasar aparteid yang diamalkan oleh negara Afrika Selatan (New Straits Times, 11 Oktober 1985). Seterusnya untuk memberi tekanan kepada kerajaan Afrika Selatan, perdagangan dengan Afrika Selatan dihentikan. Ini adalah komitmen Malaya terhadap usaha untuk menghapuskan dasar aparteid di Afrika Selatan.

Penentangan terhadap dasar Aparteid di Afrika Selatan diteruskan lagi oleh Tun Abdul Razak. Pada Januari 1970, di Persidangan Kemuncak Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Singapura telah mengutuk kerajaan Afrika Selatan kerana mengamalkan dasar aparteid. Tun Abdul Razak turut menggesa negara-negara Barat supaya menghentikan sokongan terhadap Afrika Selatan (New Straits Times, 11 Oktober 1985). Tun Abdul Razak juga berpendapat penarikan diri daripada menjadi ahli Komanwel oleh Afrika Selatan tidak mencukupi kerana masih ada negara-negara Barat yang masih membantu Afrika Selatan terutama pihak Britain yang masih menjual senjata api kepada Afrika Selatan yang digunakan untuk mempertahankan dasar aparteid ke atas penentangan oleh rakyat berkulit hitam. Tun Razak melabelkan dasar aparteid di Afrika Selatan sebagai “unmitigated evil” (New Straits Times, 11 Oktober 1985). Walaupun masyarakat antarabangsa mengesakan hebat dasar aparteid yang dilaksanakan di Afrika Selatan namun pada 16 Jun 1976 berlaku lagi peristiwa pembunuhan beramai-ramai di pekan Soweto. Pelajar-pelajar kulit hitam yang mengadakan demonstrasi damai membantah penggunaan bahasa *African* telah ditembak oleh polis Afrika Selatan (Foreign Affairs Malaysia Mac 1986). Ketegasan Malaysia menentang dasar aparteid di Afrika Selatan bermula dari era Tunku lagi. Tun Razak meneruskan usaha Tunku dalam memberi tekanan dan desakan kepada rejim Afrika. Perjuangan menentang dasar aparteid diteruskan oleh Hussein Onn selepas beliau menggantikan Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri (Roy, 2006).

Dasar Aparteid semasa era Dr. Mahathir

Sebelum Dr. Mahathir melibatkan diri secara serius menentang dasar aparteid di Afrika Selatan yang masih mengekalkan dasar aparteid telah terdapat bantahan dan mengutuk rejim Afrika Selatan dari kebanyakan negara. Pelbagai tindakan daripada masyarakat dunia terutama daripada pertubuhan Komanwel yang sentiasa mendesak Afrika Selatan supaya menghapuskan dasar aparteid. Namun ia tidak memberi kesan dan rejim Afrika Selatan tidak tergugat atau terancam. Malah meneruskan dasar aparteid. Selepas Dr. Mahathir mengambil alih tampok pemerintahan daripada Hussein Onn, Dr. Mahathir tidak berminat untuk menyertai persidangan Komanwel sehinggalah pada tahun 1985 beliau mula menunjukkan minat terhadap Komanwel. Penyertaan Dr. Mahathir diplatform ini telah menambahkan lagi tekanan dan tindakan terhadap dasar aparteid di Afrika Selatan dan juga pihak Britain yang sentiasa mahu tindakan diambil secara berhemah. Ia menjadi lebih berkesan dengan sikap ketegasan Dr. Mahathir dalam menangani masalah keengganan Afrika Selatan untuk menurut kehendak dunia supaya menghentikan dasar apartheid (Roy, 2006).

Persidangan Komanwel di Nassau, Bahamas berlangsung dari 16 Oktober hingga 22 Oktober, 1985. Persidangan Komanwel yang diadakan dua tahun sekali dan pada mulanya Dr. Mahathir tidak begitu berminat untuk menghadiri ke persidangan tersebut. Namun begitu Malaysia tetap dengan pendirian menentang dasar aparteid yang dilaksanakan di Afrika Selatan (Berita Harian 16 September 1985). Tempat beliau telah diberikan kepada Musa Hitam sebagai wakil Malaysia tetapi setelah menerima rayuan dari Setiausaha Agung Komanwel, Sir Shridaht Ramphal (Malaysia and the Commonwealth CHOGM, 1990) dan beberapa orang ketua kerajaan yang mahukan Dr. Mahathir turut sama di dalam Persidangan Komanwel Di Nassau, Bahamas, kabinet Malaysia telah mengambil keputusan bahawa Dr. Mahathir perlu hadir ke persidangan tersebut (Dewan Masyarakat, November 1985). Dr. Mahathir akhirnya telah bersetuju untuk menghadiri Persidangan Komanwel di Nassau, Bahamas (Berita Harian 21 September 1985). Komen Dr. Mahathir: “Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman adalah seorang pemimpin yang berjaya mendesak Komanwel memecat Afrika Selatan dari pertubuhan itu. Kita berpendapat usaha Tunku itu perlu diteruskan dengan memberikan pandangan Malaysia mengenai

perkembangan dasar apartheid di Afrika Selatan sekarang. Malaysia harus menunjukkan pendirian yang tegas terhadap perkara itu (Berita Harian, 20 September 1985).” Memandangkan kepada penglibatan Malaysia dalam Komanwel telah bermula sejak zaman Tunku lagi dan Tunku merupakan salah seorang pemimpin yang telah mendesak Afrika Selatan supaya menghapus dasar apartheid. Mahathir berpendapat usaha Tunku perlu diteruskan lagi dan perlu ditegaskan pendirian Malaysia yang menentang dasar apartheid (The Star, 20 September 1985).

Buat pertama kali beliau menghadirkan diri di Persidangan Komanwel dan Dr. Mahathir telah menggunakan platform Komanwel dengan mencadangkan agar sekatan ekonomi yang lebih tegas dikenakan ke atas Afrika Selatan (Foreign Affairs Malaysia Mac 1986). Dr. Mahathir tidak hadir dalam persidangan Komanwel yang diadakan sebelum ini dikatakan protes Dr. Mahathir terhadap Britain. Ini adalah kerana hubungan dengan pihak Britain agak merosot selepas dasar *Buy British Last* dilaksanakan. Ini juga telah merenggang hubungan diplomatik Malaysia dan Britain serta turut menjejaskan hubungan Malaysia dengan Komanwel (Roy, 2006; Utusan Malaysia, 15 Oktober 1985). Secara tidak langsung Komanwel di bawah pengaruh pihak Britain. Malaysia telah memberi tumpuan khusus kepada pelbagai isu politik dan ekonomi. Walau bagaimanapun persidangan ini dianggap sesuai untuk Malaysia membangkitkan langkah-langkah yang lebih berkesan dalam usaha untuk menghapus dasar apartheid di Afrika Selatan. Dr. Mahathir dianggap dapat memberikan tekanan yang lebih berkesan lagi kerana beliau lebih dikenali oleh ahli-ahli negara Komanwel sebagai seorang pemimpin yang pragmatik dan aktif dalam menyelesaikan masalah dunia (Utusan Malaysia, 11 Oktober 1985). Dr. Mahathir memberi saranan dan kritikan berdasarkan kepada kenyataan yang sedang berlaku dan apabila diketengahkan kepada umum telah menyebabkan mereka yang mendengarnya akan merasa tersentuh atau dikritik.

Dunia memberi perhatian apabila Dr. Mahathir membawa isu mengkritik Barat kerana keberanian beliau dalam mempersoalkan ketidakadilan Barat terhadap Negara-negara Membangun dan memberi kesan kepada Barat secara langsung. Di dalam persidangan Komanwel ini, beliau dengan berani melabelkan negara Afrika Selatan sebagai sebuah negara seperti Israel yang tidak mematuhi dan menghormati peraturan antarabangsa (Berita Harian, 18 Oktober 1985). Dr. Mahathir juga tidak lupa mengkritik pihak Barat kerana Negara-negara Sedang Membangun sering dikritik kerana wujudnya perkauman tetapi tidak kepada Afrika Selatan dan terdapat negara-negara yang mampu mengenakan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan tetapi tidak mahu melakukannya dengan memberi pelbagai alasan. Ada pihak yang sanggup memberi alasan dengan menyatakan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan akan menyebabkan rakyat kulit hitam Afrika Selatan akan menderita. Ini adalah sebagai satu alasan yang tidak boleh diterima kerana pada waktu yang sama rakyat kulit hitam sememangnya telah menderita akibat penindasan rakyat kulit putih terhadap rakyat kulit hitam.

Dr. Mahathir dengan lantang mengecam Margaret Thatcher yang dikatakan begitu degil mempertahankan Afrika Selatan daripada diambil tindakan sekatan ekonomi. Dr. Mahathir menyatakan: “Despite the desire of all Commonwealth countries to apply sanction, I cannot understand how Britain alone can insist on having her way.” (Foreign Affairs Malaysia September 1986). Semasa Kesatuan Ekonomi Eropah mengambil keputusan mengenakan sekatan ke atas Afrika Selatan, Britain tidak turut serta dengan alasan bahawa tindakan tersebut akan melibatkan ekonomi negara yang berjiran dengan Afrika Selatan kerana mereka bergantung kepada negara Afrika Selatan sebagai saluran keluar ekonomi. Sebenarnya pihak Britain mahu menjaga kepentingan pelaburan mereka di Afrika Selatan terutama mereka yang menyokong dan membiayai parti Konservatif (Dewan Masyarakat, November 1985).

Kebanyakan negara-negara Komanwel bersetuju dengan cadangan tindakan tersebut. Walau bagaimanapun, Britain menolak cadangan sekatan ekonomi dengan memberi alasan ini akan membuatkan yang lebih terseksa adalah penduduk kulit hitam di Afrika Selatan (Margaret Thatcher, 1993). Saranan Dr. Mahathir ini tidak mendapat kata putus daripada ahli-ahli Komanwel. Walau bagaimanapun, Afrika Selatan diberi kata dua supaya mengubah dasar apartheid dalam tempoh enam bulan. Permintaan sekatan ekonomi dilaksanakan ke atas Afrika Selatan disuarakan tetapi ada pihak yang enggan melakukannya kerana tidak mahu melihat rakyat kulit hitam dalam keadaan menderita menderita. Sikap sedemikian telah dikritik oleh Dr. Mahathir dengan menyatakan: “Are they better off now because we do not apply

sanctions? Are the shooting, killing, jailing and torture of the blacks today evidence that they are better off because sanctions are not applied? Has Nelson Mandela been released because no sanctions have been applied? Would Steve Biko be alive today?" (Foreign Affairs, June 1986; Hansard Debate Britain, HC Deb, 13 November 1987).

Kegagalan mengenakan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan menjelaskan sikap pura-pura anggota Komanwel yang tidak komited terhadap perjuangan membebaskan rakyat kulit hitam Afrika Selatan daripada dasar aparteid (New Straits Times, 18 Oktober 1985). Bagi Dr. Mahathir beranggapan bahawa pertubuhan Komanwel adalah sebagai sebuah kelab dan mempunyai pertuturan yang sama iaitu bahasa Inggeris dan tidak lebih daripada itu. Komanwel dianggap tidak mampu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh dunia dan juga tidak mampu menyumbang apa-apa kepada dunia (Berita Harian, 18 Oktober 1985).

Karminder Singh berpandangan bahawa:

The continuance of Apartheid in modern times was a sign of double standards of the Western world which pressed for human rights and democracy in the Third World but allowed institutionalized racial discrimination persist in South Africa. In particular, Britain's refusal to participate in trade sanctions on Pretoria signaled to Mahathir the West's hypocrisy (Karminder Singh, 2009).

Ada yang berpendapat apabila dilakukan sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan, kesannya bukan sahaja ke atas rakyat kulit putih sahaja tetapi turut sama menderita rakyat kulit hitam yang sememangnya telah lama menghadapi penyeksaan dan penderitaan yang diterima daripada kekejaman pemerintah rejim Afrika Selatan (Berita Harian, 18 Oktober 1985). Begitu juga dengan negara-negara yang berjiran dengan Afrika Selatan dan negara-negara yang bergantung ekonomi dengan Afrika Selatan turut mendapat kesan yang dialami oleh Afrika Selatan atas tindakan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan. Usaha ini perlu dilakukan bagi meneruskan tekanan ke atas Afrika Selatan yang telah beberapa kali diberi peluang untuk mengubah dasar aparteid tetapi tidak dipedulikan oleh Afrika Selatan dan tetap berdegil meneruskan penindasan yang lebih teruk lagi ke atas rakyat kulit hitam di Afrika Selatan. Dunia telah berubah dan tidak ada negara yang mahu mengamalkan dasar aparteid. Penindasan dan diskriminasi kaum tidak boleh dilaksanakan kerana akan mengakibatkan kesengsaraan ke atas kaum yang ditindas dan tidak berperikemanusiaan (New Straits Times, 18 Oktober 1985).

Dr. Mahathir dengan sinis telah mengkritik Komanwel dalam menyelesaikan kemelut yang dihadapi oleh Afrika Selatan dengan menyatakan:

If the Commonwealth refuses to do so something definite, then the club should cease to pretend. It should admit that it really cannot contribute towards solving the problems faced by its members, if not the world. Then we can relax and enjoy our get together (New Straits Times, 18 Oktober 1985).

Penentangan dan desakan serta tekanan dari beberapa negara anggota Komanwel termasuk Malaya yang pada waktu itu diwakili oleh Tunku hanya berjaya memaksa Afrika Selatan keluar dari keanggotaan Komanwel adalah tidak membawa banyak perubahan yang besar terhadap dasar aparteid tetapi dasar aparteid terus hidup sehinggalah ke beberapa persidangan yang diadakan setiap dua tahun dan tidak menampakkan dengan jelas bahawa rejim Afrika Selatan akan berubah dan menghapuskan dasar aparteid. Penduduk kulit hitam Afrika Selatan terus menderita dan kekejaman rejim Afrika Selatan terus berlaku. Penindasan dan diskriminasi terhadap hak rakyat kulit hitam Afrika Selatan telah dinafikan. Rakyat kulit hitam Afrika Selatan terus menjadi hamba kepada rejim Afrika Selatan yang sepatutnya tidak wujud lagi dalam keadaan dan suasana politik dunia yang telah berubah dan mengiktiraf hak asasi individu (Berita Harian, 19 Oktober 1985). Dr. Mahathir menyatakan: "There is no Government like the

regime in South Africa. It is a total pariah. It legalises the morally illegal. Minority is majority. Slavery is freedom. Ghettos are nations (The Star, 18 Oktober 1985).”

Sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan adalah satu-satu cara yang lebih berkesan untuk mengubah pendirian rejim Afrika Selatan terhadap dasar aparteid yang dilaksanakan di Afrika Selatan. Setelah desakan dan tekanan dikenakan ke atas rejim Afrika Selatan mula menampakkan keputusan yang positif, momentum ini perlu dikekalkan bagi terus melemahkan rejim Afrika Selatan. Dr. Mahathir berpendapat: “We must strike while the iron is hot. There has never been a similar moment like the present when the white South Africans are most susceptible to international pressure.” (New Straits Times, 19 Oktober 1985).

Persidangan Komanwel pada tahun 1985 ini telah mengambil keputusan untuk memberi tempoh selama enam bulan untuk membuat perubahan dasar aparteid. Persidangan ini juga membuat beberapa tindakan bagi memberi tekanan kepada rejim Afrika Selatan antaranya mengharamkan semua bentuk pinjaman baru, mengeneipkan import krugerranda (syiling wang emas Afrika Selatan), mengharamkan penjualan dan eksport peralatan komputer bagi kegunaan tentera, polis dan pasukan keselamatan, dan mengharamkan kontrak baru bagi penjualan dan eksport barangan nuklear, bahan-bahan dan teknologi ke Afrika Selatan (Commonwealth January 1986) Selepas tempoh enam bulan sekiranya Afrika Selatan masih berdegil, tindakan seterusnya adalah mengharamkan hubungan udara dengan Afrika Selatan, mengharamkan pelaburan baru atau pelaburan semula, mengharamkan import barangan pertanian, membatalkan perjanjian pencukaaian dua kali, mengharamkan hubungan dengan kerajaan Afrika Selatan dan mengharamkan promosi pelancungan ke Afrika Selatan (New Straits Times, 22 Oktober 1985). Persetujuan bersama diambil oleh semua negara anggota Komanwel kecuali Britain. Keengganan Britain turut serta dalam mengenakan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan dianggap sebagai “hiprokasi barat”.

Pihak Britain telah melabur di Afrika Selatan sebanyak USD14 bilion (RM35 bilion) dan merupakan rakan dagang Komanwel yang terbesar (New Straits Times 22 Oktober 1985). Demi menjaga kepentingan pelaburan Britain di Afrika Selatan, Thatcher telah mengecam negara-negara Komanwel yang menyokong sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan dan mengugut sekiranya negara-negara Komanwel menghadapi masalah kewangan, pihak Britain tidak akan memberi bantuan. Selain daripada isu aparteid, Dr. Mahathir juga menggesa supaya menghentikan pembelian senjata daripada Negara-negara Maju. Pada tahun 1964 negara Dunia Ketiga telah membeli senjata berjumlah \$1.4 bilion daripada negara Membangun. Pada tahun 1984 jumlah pembelian senjata telah bertambah sebanyak \$29.4 bilion. Dr. Mahathir menyatakan: “We have to stop this nonsense and incidentally, we will also stop enriching the already rich.” (Foreign Affairs Malaysia, June 1986).

Persidangan Komanwel seterusnya diadakan di Vancouver pada tahun 1987 dan turut menegaskan bahawa dasar apartheid perlu ditamatkan. Di dalam pertemuan di Vancouver, Kanada, isu utama adalah penyingkiran Fiji dari menjadi anggota Komanwel yang dikatakan mengamal dasar perkauman seperti yang dilakukan oleh Afrika Selatan. Tanggapan ini cuba dipertikaikan oleh Malaysia tetapi masih tidak dapat menahan Fiji daripada disingkirkan daripada Komanwel (Chandran Jeshurun, 2008). Semasa berucap Dr. Mahathir telah menggesa negara anggota Komanwel yang dianggarkan seramai suku daripada penduduk dunia mengenakan sekatan ekonomi secara menyeluruh ke atas Afrika Selatan. Kesemua negara anggota Komanwel bersetuju untuk mengenakan sekatan ekonomi kecuali Britain yang masih tidak mahu bersama negara anggota Komanwel yang lain menyekat ekonomi Afrika Selatan (Utusan Malaysia, 2 November 1987). Dr. Mahathir telah menggesa negara-negara anggota Komanwel menghentikan perbincangan mengenai pro dan kontra tindakan untuk mengenakan sekatan ekonomi terhadap rejim Afrika Selatan dan memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk mencari jalan penyelesaian segera terhadap dasar aparteid di Afrika Selatan. Ini amat penting kerana rakyat kulit hitam masih lagi ditindas oleh rejim Afrika Selatan dan hak mereka sebagai rakyat Afrika Selatan turut dinafikan (Berita Harian, 16 Oktober 1987).

Tiba giliran Malaysia menjadi hos kepada persidangan Komanwel. Pada tahun 1989 persidangan Komanwel diadakan di Kuala Lumpur. Dalam persidangan Komanwel di Kuala Lumpur ini telah

mendesak supaya tekanan yang lebih hebat lagi terhadap sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan diteruskan lagi dan lebih tegas lagi. Semua ahli negara Komanwel bersetuju dengan tindakan tersebut kecuali Britain. Persidangan ini telah memberi ruang kepada Dr. Mahathir untuk meneruskan tekanan lagi ke atas rejim Afrika Selatan secara lebih efektif lagi. Beliau menegaskan kebimbangan kesan pelaksanaan sekatan ekonomi terhadap rakyat kulit hitam di Afrika Selatan adalah tidak tepat dan mahukan tindakan sekatan ekonomi diteruskan lagi dan diperhebatkan lagi. Desakan juga dilakukan terhadap pelaburan dan pengaliran kewangan ke Afrika Selatan yang menjadi penghalang untuk memberi tekanan yang lebih berkesan perlu dihentikan sepenuhnya (Berita Harian, 19 Oktober 1989).

Bantahan Thatcher terhadap sekatan ke atas Afrika Selatan

Thatcher pada awal lagi telah mempunyai agenda tersendiri dalam menangani isu apartheid di Afrika Selatan. Beliau berpendirian bahawa tindakan Britain dalam menangani isu apartheid adalah betul. Tindakan yang perlu adalah dilaksanakan dengan secara aman dan memberi bantuan kepada Afrika Selatan. Ada negara-negara Komanwel yang telah memberi bantuan kepada Afrika Selatan secara diam-diam dan turut berpendapat bahawa tindakan melalui sekatan akan gagal (Mingguan Malaysia, 15 Oktober 1989). Menurut Thatcher lagi kebanyakan rakyat kulit hitam Afrika Selatan tidak menyokong sekatan dilakukan kerana ini akan menyebabkan mereka hilang pekerjaan. Walau bagaimanapun, Britain tidak menolak tindakan *embargo* persenjataan dan perjanjian Gleaneagles yang menghalang hubungan menerusi sukan. Britain juga turut mendesak Afrika Selatan menghapuskan apartheid apabila tidak dapat menarik pelaburan baru dan menggalakan mereka supaya melakukan perubahan dengan memansuhkan perundangan yang melibatkan apartheid, membebaskan rakyat kulit hitam dan berunding dengan wakil sah kulit hitam. Beliau berpendapat masalah dalaman negara Afrika Selatan hanya boleh diselesaikan oleh rakyat Afrika Selatan juga dan bukan dari dunia luar. Begitu juga F. W. De Klerk mengkritik Komanwel dengan menyatakan: “interfering in the internal affairs of a sovereign country (Malaysian Business, 1-15 November 1989).”

Dalam soal hubungan Britain dengan Afrika Selatan yang memang telah lama wujud terutama hubungan dagang emas sebagai pengimport emas Afrika Selatan, Thatcher berpendapat bahawa ia tidak bermakna Britain akan menjadi penyokong Afrika Selatan. Beliau tetap tidak bersetuju adanya campurtangan dari luar dan jalan penyelesaian adalah melalui rundingan. Pilihan raya umum yang diadakan di Afrika Selatan telah memberi petunjuk bahawa 70 peratus pengundi kulit putih telah memberikan sokongan kepada parti yang mahu membawa perubahan. Presiden de Klerk telah memberi komitmen kepada perubahan. Ini sesuatu yang memberansangkan dan menampakkan ada usaha untuk menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan. Sekatan yang dikenakan secara tidak langsung adalah berlawanan dengan Kenyataan Komanwel yang menyatakan untuk menghasilkan kejayaan secara politik dengan mengenakan tekanan: “to increase resistance rather than to encourage change.” Sekatan ini juga akan menyebabkan negara Afrika Selatan jatuh miskin dan dalam keadaan yang menderita. Walaupun Thatcher cuba mempengaruhi negara Komanwel untuk tidak mengenakan sekatan namun tiada negara yang bersetuju dengan cadangan Thatcher. Thatcher tidak percaya sekatan yang dikenakan dapat mengubah dasar apartheid Afrika Selatan. Thatcher juga menolak cadangan untuk menubuhkan satu agensi bebas bagi memantau jalinan kewangan Afrika Selatan atau mempersetujui kesinambungan jawatankuasa Menteri-Menteri Luar Komanwel. Turut tidak dipersetujui oleh Thatcher adalah *embargo* terhadap senjata termasuk peralatan tentera dan teknologi semasa (Morning Star, 23 Oktober 1989).

Thatcher mendapat sokongan daripada Presiden Afrika Selatan, de Klerk yang mengutuk persidangan Komanwel 1989 kerana mahu meneruskan lagi sekatan ke atas Afrika Selatan dan mengalu-alukan pendirian Britain yang menentang sekatan ke atas Afrika Selatan. Margaret Thatcher berkata: “It is once again one against 48, then I am very sorry for the 48.” Thatcher mengkritik sidang Komanwel di Kuala Lumpur dengan menyatakan ia merupakan sebuah persidangan ‘parti teh’ dibandingkan dengan

persidangan Komanwel yang diadakan di Nassau pada tahun 1985 yang bermulanya tindakan pertama untuk melaksanakan sekatan ke atas Afrika Selatan. Thatcher juga menyatakan sebelum persidangan Komanwel di Zimbabwe pada tahun 1991, Afrika Selatan telah berubah dan pendirian beliau menentang hukuman sekatan ke atas Afrika Selatan dapat dibuktikan bahawa pendirian beliau adalah benar. Beliau juga yakin bahawa Afrika Selatan akan berubah. Apabila kerajaan Afrika Selatan telah berubah dan dasar aparteid akan lenyap. Kerajaan baru itu akan berterima kasih dengan sebuah negara dalam Komanwel iaitu Britain (Daily Telegraph, 25 Oktober 1989).

Kenyataan Kuala Lumpur

Hasil daripada persidangan Komanwel Kuala Lumpur 1989 telah mencetuskan “Kenyataan Kuala Lumpur” (ISIS Focus November, 1989) dan merumuskan beberapa langkah yang perlu diambil oleh pihak Komanwel dan Afrika Selatan dalam menyelesaikan masalah penindasan rejim Afrika Selatan terhadap rakyat kulit hitam Afrika Selatan. Terdapat 27 kenyataan telah digubalkan bagi memantapkan lagi desakan dan tekanan terhadap rejim Afrika Selatan. Antara gesaan dan ketetapan yang telah diambil oleh kesemua negara anggota Komanwel kecuali Britain adalah mewujudkan satu lagi bentuk tekanan kewangan ke atas rejim Afrika Selatan dengan cara memperhebatkan dan meluaskan sekatan ekonomi khususnya dengan cara menggesa semua bank yang berkaitan dan institusi kewangan mengenakan syarat-syarat lebih ketat terhadap pembiayaan perdagangan hari demi hari, khasnya dengan cara mengurangkan kemudahan maksimum kredit kepada 90 hari, menggesa kerajaan berkaitan agar menyulitkan kemudahan mendapatkan kredit perdagangan dengan membiarkan Afrika Selatan “tidak meliputi” agensi-agensi rasmi kerajaan bagi tujuan mendapat kemudahan kredit perdagangan dan insuran. Kenyataan Kuala Lumpur ini turut menyokong daya usaha yang dibuat oleh Jawatankuasa Menteri Luar Komanwel mengenai Afrika Selatan untuk mengukuhkan lagi sekatan senjata dan meneruskan usaha itu dalam Jawatankuasa 421 Bangsa-bangsa Bersatu (New Straits Times, 23 Oktober 1989).

Kenyataan Kuala Lumpur ini telah tidak dipersetujui oleh pihak Britain dan Thatcher tidak dapat meyakinkan pemimpin Komanwel yang lain bahawa kerajaan pimpinan Afrika Selatan ada membuat beberapa perubahan. Dr. Mahathir mengakui terdapat hanya sedikit sahaja perubahan yang dilakukan oleh de Klerk tetapi tidak menjuruskan kepada penghapusan dasar aparteid mahupun perundingan. Selepas persidangan Komanwel 1987 di Vancouver tidak menampakkan dengan jelas perubahan yang dilakukan oleh rejim Afrika Selatan dalam usaha menghapuskan dasar aparteid. Selepas Kenyataan Kuala Lumpur satu sidang akhbar diadakan bagi menjelaskan agenda Kenyataan Kuala Lumpur dengan tajuk “Southern Africa: The way ahead” (The Star, 23 Oktober 1989). Di dalam memperjuangkan pembebasan aparteid di Afrika Selatan semakin memuncak di Persidangan Komanwel 1989 di Kuala Lumpur. Setelah beberapa kali persidangan Komanwel diadakan usaha untuk membentasi dasar aparteid tidak nampak ada kesungguhan kebanyakan negara-negara anggota Komanwel. Apabila Dr. Mahathir mula menghadirkan diri di persidangan Komanwel 1985 di Nassau, Bahamas, tekanan mula dapat dirasakan oleh rejim Afrika Selatan. Tentangan dari satu-satu negara anggota Komanwel adalah dari Britain. Britain yang menjadi penghalang kepada usaha menamatkan dasar aparteid sebenarnya boleh menamatkannya dengan lebih berkesan lagi tetapi sikap Thatcher yang cuba memperlambatkan proses sekatan dan tekanan ke atas rejim Afrika Selatan. Thatcher mahukan satu proses pelaksanaan yang lembut dikenakan ke atas rejim Afrika Selatan. Ini amat berbeza dengan cadangan tindakan dari Dr. Mahathir yang mahu menggunakan sektor ekonomi untuk melumpuhkan rejim Afrika Selatan dan seterusnya menurut kehendak kebanyakan negara di dunia menghapuskan dasar aparteid di Afrika Selatan.

Bantahan Britain terhadap kenyataan Kuala Lumpur

Apabila keputusan telah diambil dalam Mesyuarat CHOGM yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1989 untuk memberi tekanan kepada kerajaan Afrika Selatan dengan mengenakan sekatan ekonomi. Margaret Thatcher telah mengeluarkan kenyataan mengkritik tindakan tersebut. Kenyataan tersebut dikeluarkan oleh Margaret Thatcher kerana untuk memberitahu pihak Britain masih menganggap kerajaan Afrika Selatan masih menjadi rakan kepada kerajaan Britain. Dalam kenyataan Thatcher menyebut bahawa pihak Britain percaya Komanwel dapat membantu kerajaan baru Afrika Selatan dengan cara yang lebih positif daripada kenyataan yang dibuat di Kuala Lumpur. Britain tidak bersetuju dengan Kenyataan Kuala Lumpur dan mahukan tindakan dilakukan secara perundingan dan bukan dengan cara menghukum rejim Afrika Selatan. Thatcher menyatakan: "What ever their (Commonwealth leaders) intentions, the effect of sanctions is punitive. Sanctions contribute to poverty and misery whereas Britain wants to relieve poverty and misery throughout Africa as a whole." (New Straits Times, 23 Oktober 1989).

Tindakan Thatcher mengeluarkan satu lagi kenyataan berasingan dengan tajuk "Afrika Selatan: Jalan di hadapan: Pandangan Britain" yang di keluarkan oleh jurucakap, perdana menteri Britain, Ben Ingham dalam satu sidang akhbar pada pukul 6:45 petang. Sidang ini berlaku selepas sejam 45 minit, Kenyataan Kuala Lumpur diumumkan. Kenyataan Kuala Lumpur dianggap sebagai satu tindakan yang keras dan tidak perlu dilaksanakan kerana Thatcher mahu Afrika Selatan diberi peluang untuk mengubah dan bukan menghukum rejim Afrika Selatan. Dalam mempertahankan tindakan beliau, Thatcher telah menyatakan bahawa kenyataan berasingan adalah tidak salah dan menurut asas pergerakan Komanwel adalah hak dan kebebasan bersuara (Utusan Malaysia, 24 Oktober 1989).

Pihak Britain turut menyatakan mereka terpaksa mengeluarkan satu kenyataan yang berasingan kerana jawatankuasa sementara yang merangka Kenyataan Kuala Lumpur tidak memberi peluang kepada pihak Britain untuk mengemukakan pandangan lain yang berbeza ke atas beberapa perkara. Thatcher juga turut menyelar pemimpin Komanwel seperti Robert Mugabe daripada Zimbabwe yang mengkritik beliau dibelakang dan dalam masa yang sama minta lebih pertolongan ketenteraan dan bantuan kewangan. Thatcher masih merasakan bahawa kebanyakan negara-negara Komanwel masih mempunyai hutang budi terhadap Britain dengan menyatakan: "They were "jolly lucky" they had been colonized by Britain in the first place and not by another power" (Daily Telegraph, Oktober 1989). Thatcher juga memperkecilkan pemimpin-pemimpin Komanwel dengan menyatakan bahawa mereka hanya akan bercakap sahaja dan tidak berani melakukan apa yang dicakapkan. Thatcher mengakui yang beliau juga menentang dasar apartheid. Apa yang Britain mahukan adalah menggalakkan reformasi ke atas Afrika Selatan dan bukan membuli rejim Afrika Selatan atau melumpuhkan ekonomi. Thatcher juga bimbang kerana ramai rakyat Afrika Selatan yang akan menganggur (Utusan Malaysia, 24 Oktober 1989).

Bantahan Thatcher mendapat perhatian daripada pemimpin-pemimpin Komanwel yang tidak bersetuju dengan pendapat dan cadangan beliau. Robert Mugabe, presiden Zimbabwe menyatakan tindakan Thatcher sebagai: "despicable and unacceptable." (Malaysian Business, 1-15 November 1989). Begitu juga dengan perdana menteri Kanada dan Australia tidak boleh menerima tindakan Thatcher. Perdana Menteri Kanada, Brian Mulroney menyatakan seseorang tidak boleh menandatangani sesuatu pada pukul lima petang dan menyangkalnya pada pukul enam petang (Morning Star, 24 Oktober 1989). Cadangan tersebut dicadang oleh Thatcher sendiri. Kedua-dua perdana menteri meminta Thatcher menjelaskan kenapa beliau bertindak dengan mengeluarkan kenyataan lain yang tidak bersetuju dengan keputusan persidangan Komanwel ke atas Afrika Selatan. Margaret Thatcher menjawab dengan menyatakan: "no explanation was called for." Thatcher menyatakan tindakan beliau adalah kerana hak beliau dalam demokrasi membenarkan beliau untuk bersuara (Daily Telegraph, 24 Oktober 1989). Mugabe dalam sidang akhbar yang mahu menjawab tindakan Thatcher yang dikatakan "torpedoing" kedudukan Komanwel dengan menyatakan "a funny aspect of democracy" selepas perbincangan telah dilakukan dan semua telah bersetuju tetapi terdapat satu delegasi yang mengeluarkan satu dokumen yang bertentangan

dengan apa yang telah dipersetujui. Tindakan ini dianggap sebagai satu manifestasi kepada Afrika Selatan bahawa Britain menyokong apartheid (Malaysian Business, 1-15 November 1989).

Daily Telegraph melaporkan bahawa pihak pembangkang kerajaan Britain mempersoalkan tindakan Thatcher di Kuala Lumpur dan mempertikaikan tindakan Thatcher yang dikatakan tidak sama dengan John Major, Setiausaha Luar Britain. John Major adalah salah seorang daripada sepuluh orang Menteri Luar yang bersetuju untuk meneruskan lagi tindakan sekatan ke atas Afrika Selatan sehingga “clear and irreversible change” sebagai bukti untuk Komanwel menarik balik sekatan yang dikenakan ke atas Afrika Selatan. Ketua parti Buruh, Kinnoek mengkritik tindakan Thatcher dengan menyatakan tindakan tersebut sebagai ‘double dealing’ terhadap Setiausaha Luar Britain. John Major sendiri tidak mengetahui bahawa Thatcher akan membuat kenyataan lain. Ketua parti Demokrat Liberal, Ashdown berkata bahawa tindakan Thatcher telah memalukan Major dan terdapat beberapa wakil rakyat Tory yang beranggapan bahawa imej Major telah dirosakkan kerana pendirian pertama beliau sebagai Setiausaha Luar Britain. Beliau telah menggantikan Sir Geoffrey Howe dalam bulan Julai 1989 (Malaysian Business, 1-15 November 1989).

Dr. Mahathir menjelaskan Malaysia telah melakukan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan sejak tahun 1965 lagi dan mengalami kerugian berbilion dolar. Apa yang telah dilakukan oleh pihak Britain adalah sebaliknya. Pihak Britain tidak mahu melakukan sekatan ekonomi terhadap rejim Afrika Selatan dengan alasan pihak kulit hitam akan menderita. Dr. Mahathir menjawab: “I don’t think so... Britain has a moral duty to join the majority to bring about the end of minority rule and apartheid in South Africa.” Malaysia sebagai sebuah negara kecil mampu melakukan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan walaupun mengalami kerugian kerana tidak berdagang dengan Afrika Selatan. Demi mempertahankan pendirian Malaysia sebagai sebuah negara yang anti apartheid tetapi ada negara Maju yang mampu mengenakan sekatan ekonomi tetapi tidak berbuat demikian. Mereka memberi pelbagai alasan untuk mempertahankan supaya tindakan sekatan ekonomi tidak dilakukan terhadap Afrika Selatan tetapi sanggup melakukan sekatan ekonomi ke atas negara-negara miskin tanpa mengira penderitaan rakyat negara miskin. Negara Maju melihat penderitaan rakyat negara miskin bukanlah merupakan masalah bersama yang perlu diberi perhatian. Dr. Mahathir menyatakan kebimbangan kesan daripada sekatan ekonomi terhadap orang kulit hitam adalah tidak tepat. Beliau menggesa supaya sekatan ekonomi perlu diteruskan dan diperhebatkan lagi. Pelaburan dan pengaliran kewangan ke Afrika Selatan mesti dihentikan sepenuhnya bagi melemahkan lagi ekonomi Afrika Selatan (Berita Harian, 19 Oktober 1989).

Kemuncak daripada tekanan dan gesaan dunia terhadap rejim Afrika Selatan telah berjaya membebaskan Nelson Mandela daripada meringkuk dalam penjara pada 11 Februari, 1990. Beliau telah merengkok dalam penjara selama 27 tahun kerana memperjuangkan kesamaan hak orang kulit hitam dan menentang dasar apartheid yang dilaksanakan oleh rejim Afrika Selatan. Pada 11 Jun 1964, rejim Afrika Selatan telah menangkap beliau dan menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup dengan tuduhan melakukan pengkhianatan serta melancarkan pemberontakan terhadap rejim apartheid Pretoria. Walaupun Mandela dibebaskan tetapi Mahathir masih bertegas untuk meneruskan peranan dalam menamatkan dasar apartheid di Afrika Selatan. Melalui persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel, Malaysia telah berjaya mendesak pembebasan Mandela dan meneruskan usaha melalui peranan yang sama dalam apa jua platform bagi menamatkan dasar apartheid di Afrika Selatan. Walaupun terdapat sesetengah negara Barat yang memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada de Klerk kerana dikatakan usaha beliau dalam membawa perubahan di Afrika Selatan telah tidak dipersetujui oleh Dr. Mahathir kerana selagi dasar apartheid benar-benar tidak dihapuskan, tekanan terhadap rejim Afrika Selatan perlu diteruskan dan tidak boleh lari dari fokus sebenar. Dr. Mahathir menyatakan: “I believe it is important that we maintain the momentum of development in South Africa (New Sunday Times, 4 November 1990)”.

Pandangan Malaysia adalah perjuangan menentang sistem apartheid di Afrika Selatan perlu diteruskan sehingga ia benar-benar dihapuskan. Walau terdapat usaha rejim Afrika Selatan yang menampakkan mahu melakukan perubahan tetapi ia adalah tidak mencukupi selagi dasar apartheid masih dilaksanakan. Dr. Mahathir menegaskan walaupun rejim Afrika Selatan telah membebaskan Nelson Mandela tidak bermakna sekatan ekonomi ke atas Afrika Selatan turut dihentikan kerana sistem apartheid masih wujud

lagi. Ketegasan Malaysia dalam usaha menamatkan dasar apartheid di Afrika Selatan turut dinyatakan oleh Musa Hitam: "Should remain until there is clear evidence of profound and irreversible changes in South Afrika. This will include the full observance of the mandatory arms embargo to ensure speedy end to apartheid." Bagi Mandela perjuangan mereka yang utama adalah: "We are adamant about guaranteeing one man, one vote in one common voters role." Penduduk kulit hitam Afrika Selatan telah dinafikan hak mereka untuk mengundi di bawah rejim Afrika Selatan. Tujuan rejim Afrika Selatan berbuat demikian bagi melenyapkan suara rakyat kulit hitam Afrika Selatan dan tidak akan dapat mengambil alih pemerintahan daripada mereka. Rakyat kulit hitam Afrika Selatan terus ditindas oleh kaum minoriti kulit putih Afrika Selatan. Rejim Afrika Selatan terpaksa tunduk dengan desakan dan tekanan daripada masyarakat antarabangsa dan memberi peluang kepada rakyat kulit hitam Afrika Selatan mengundi dan memilih parti mana yang memerintah Afrika Selatan (Utusan Malaysia, 13 November 1990).

Kesimpulan

Peranan Malaysia dalam usaha menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan bermula dari zaman pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Impak yang jelas apabila Dr. Mahathir melibatkan diri secara langsung dengan Komanwel. Sebelum persidangan di Nassau, Bahamas pada tahun 1985, Dr. Mahathir tidak menghadiri persidangan Komanwel di Melbourne, Australia pada tahun 1981 dan di New Delhi, India pada tahun 1983. Tekanan terhadap Afrika Selatan tidak begitu dirasai. Apabila Dr. Mahathir menghadiri persidangan Komanwel di Nassau, Bahamas tekanan mula dirasai oleh rejim Afrika Selatan dan juga Britain. Tekanan ini mula dirasai apabila Dr. Mahathir mengajak Komanwel bersama-sama mengenakan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan. Hanya pihak Britain sahaja yang tidak bersetuju dengan tindakan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan. Penglibatan Dr. Mahathir telah memberi impak dan tekanan ke atas Afrika Selatan dan Britain. Dr. Mahathir dengan lantang bersuara menentang dasar apartheid rejim Afrika Selatan, walaupun Britain tidak bersetuju. Malaysia sebagai sebuah negara yang telah lama merdeka tidak lagi bergantung kepada percaturan pihak Britain. Begitu juga dengan negara-negara anggota Komanwel yang merupakan negara-negara yang pernah dijajah oleh Britain telah sebulat suara menggenepikan kemahuan Britain. Kejayaan menghapuskan dasar apartheid di Afrika Selatan telah menaikkan nama Malaysia dan Dr. Mahathir. Beliau telah berjaya meningkatkan imej Malaysia sebagai juara kepada anti-apartheid. Ini juga telah menyebabkan Malaysia makin dikenali kebanyakan negara di dunia terutama bagi Negara-negara Dunia Ketiga. Ini merupakan satu kejayaan membebaskan dari mental belenggu penjajah yang tidak lagi memandang tinggi terhadap pihak Britain. Walau bagaimanapun, hubungan Malaysia dengan Britain masih diteruskan seperti biasa.

Rujukan

Berita Harian, 16 Oktober, 1987.

Berita Harian, 16 September, 1985.

Berita Harian, 18 Oktober, 1985.

Berita Harian, 19 Oktober, 1989.

Berita Harian, 20 September, 1985.

Berita Harian, 21 September, 1985.

Chandran Jeshurun (2008) *Malaysia: Fifty years of diplomacy, 1957-2007*. Talisman Publishing Pte Ltd, Singapore.

Commonwealth, Vol. 28, No. 3, January, 1986.

Daily Telegraph, 24 October, 1989.

Daily Telegraph, 25 October, 1989.

- Dewan Masyarakat*, November 1985.
Foreign Affairs Malaysia 1981, Vol. 14, No. 2.
Foreign Affairs Malaysia, June 1986, Vol. 19, No. 2.
Foreign Affairs Malaysia, March 1986, Vo. 19, No. 1.
Foreign Affairs Malaysia, September 1986, Vo. 19, No. 3.
Hansard Debate Britain, HC Deb 13 November 1987, vol. 122.
ISIS Focus, No. 56, November 1989, 1989.
Karminder Singh Dhillon (2009) *Malaysian foreign policy in the Mahathir era 1981-2003: Dilemmas of development*, NUS Press, Singapore.
Malaysian Business, November 1-15, 1989.
Margaret Thatcher (1993) *The Downing street years*, Harper Press, London.
Mingguan Malaysia, 15 Oktober, 1989.
Morning Star, 23 Oktober, 1989.
New Straits Times, 11 October, 1985.
New Straits Times, 15 October, 1985.
New Straits Times, 18 October, 1985.
New Straits Times, 19 October, 1985.
New Straits Times, 22 Oktober, 1985.
New Straits Times, 23 Oktober, 1989.
New Straits Times, 27 October, 1987.
New Straits Times, 3 November, 1990.
New Sunday Times, 4 November, 1990.
Roy Anthony Rogers (2006) Malaysia, 'Komanwel dan pengurusan isu-isu antarabangsa'. In: Ruhana Harun (ed) *Malaysia's foreign relations: Issues and challenges*, University Malaya Press, Kuala Lumpur.
The Star, 18 October, 1985.
The Star, 2 November, 1990.
The Star, 20 September, 1985.
The Star, 23 October, 1989.
Utusan Malaysia, 11 Oktober, 1985.
Utusan Malaysia, 13 November, 1990.
Utusan Malaysia, 14 Oktober, 1989.
Utusan Malaysia, 15 Oktober, 1985.
Utusan Malaysia, 24 Oktober, 1989.
Utusan Malaysia, 3 November, 1990.
Utusan Malaysia, 7 November, 1990.